



**KENYATAAN MEDIA**

**YB DATUK HALIMAH BINTI MOHAMED SADIQUE**

**MENTERI PERPADUAN NEGARA**

---

**PENGURUSAN GERAN KEWANGAN MITRA BAGI**

**PROGRAM PEMBANGUNAN SOSIO-EKONOMI**

**MASYARAKAT INDIA MALAYSIA**

---

Putrajaya, 9 Oktober 2021 – Kementerian Perpaduan Negara (KPN) ingin memberi penjelasan berhubung pengurusan geran kewangan bagi Program Pembangunan Sosio-Ekonomi Masyarakat India di bawah Unit Transformasi Masyarakat India (MITRA), iaitu sebuah agensi di bawah KPN.

2. YB Datuk Halimah Mohamed Sadique, Menteri Perpaduan Negara menyatakan bahawa apabila MITRA diletakkan di bawah KPN sepenuhnya mulai April 2020, Ketua Pengarah MITRA adalah Encik Magalingam a/l Maniam, seorang pegawai yang dilantik di bawah kepimpinan YB Senator Waytha Moorthy.

En Magalingam a/l Maniam telah berkhidmat sebagai Ketua Pengarah MITRA sehingga tamat kontrak pada 30-06-2021.

3. YB Datuk Halimah Mohamed Sadique turut menjelaskan bahawa sebelum MITRA diletakkan di bawah KPN, urusan kelulusan geran telah berada dalam bidang kuasa Menteri dan Ketua Pengarah.

4. Akan tetapi, setelah MITRA diletakkan di bawah KPN sepenuhnya, KPN telah mengambil dua (2) tindakan segera iaitu:

- i. menyediakan Garis Panduan Pengurusan Geran Kewangan MITRA yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF); dan
- ii. menubuhkan dua (2) buah jawatankuasa yang bertanggungjawab untuk menilai permohonan-permohonan yang diterima dan membuat pemantauan ke atas pelaksanaan program-program yang telah diluluskan.

5. Penyediaan Garis Panduan Pengurusan Geran Kewangan MITRA yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia dan penubuhan dua (2) jawatankuasa ini adalah bagi

memastikan pengurusan Geran Kewangan MITRA ini dibuat dengan teratur dan memberi impak kepada masyarakat India khususnya B40.

6. Beliau turut menjelaskan bahawa permohonan-permohonan yang diterima oleh MITRA akan melalui proses tapisan oleh urusetia di MITRA terlebih dahulu sebelum dibawa untuk pertimbangan Jawatankuasa Penilaian Program MITRA yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KPN. Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk menilai dan seterusnya membuat keputusan bersetuju atau tidak bersetuju ke atas permohonan-permohonan yang dibentangkan. Keahlian Jawatankuasa Penilaian Program MITRA ini terdiri daripada pegawai-pegawai kanan KPN seperti berikut:

### **Pengerusi**

Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara

Ahli-ahli

- 1.Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Dasar)
- 2.Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan)
3. Setiausaha Bahagian (Dasar dan Hubungan Antarabangsa)
4. Ketua Pengarah MITRA

5. Setiausaha Bahagian (Khidmat Pengurusan)
  6. Setiausaha Bahagian (Pembangunan Masyarakat)
  7. Penasihat Undang-Undang
  8. Ketua Penolong Setiausaha  
Seksyen Kewangan dan Perolehan
7. Seterusnya, Jawatankuasa Pemantauan Program MITRA yang juga dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KPN akan membuat pemantauan ke atas pelaksanaan program-program yang telah diluluskan bagi memastikan pelaksanaan adalah mengikut terma dan syarat serta mencapai KPI yang ditetapkan. Bagi mana-mana program yang tidak dilaksanakan mengikut terma dan syarat perjanjian, Kerajaan mempunyai hak untuk menamatkan perjanjian dan menuntut bayaran balik daripada pihak yang berkaitan.

Keahlian Jawatankuasa Pemantauan Program MITRA ini terdiri daripada pegawai-pegawai kanan KPN seperti berikut:

### **Pengerusi**

Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara

### **Ahli-ahli**

- 1.Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Dasar)
2. Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan)

3. Setiausaha Bahagian (Dasar dan Hubungan Antarabangsa)
4. Ketua Pengarah MITRA
5. Setiausaha Bahagian (Khidmat Pengurusan)
6. Setiausaha Bahagian (Pembangunan Masyarakat)
7. Penasihat Undang-Undang
8. Ketua Penolong Setiausaha Seksyen Kewangan dan Perolehan
9. Ketua Unit Audit Dalam
10. Ketua Unit Integriti

8. Oleh itu, di bawah kepimpinan beliau, Menteri ataupun Ketua Pengarah tiada budi bicara untuk mempertimbangkan mana-mana permohonan untuk geran. (Segala geran MITRA sepanjang tempoh dari 2019 hingga Mac 2020 telah diuruskan kelulusannya oleh Ketua Pengarah. Walau bagaimanapun, urusan kelulusan geran selepas MITRA diletakkan sepenuhnya di bawah KPN hingga sekarang diuruskan oleh Ketua Pengarah dan Jawatankuasa Penilaian Program MITRA).

9. Jawatankuasa Penilaian Program MITRA dan Jawatankuasa Pemantauan Program MITRA mempunyai budi

bicara sepenuhnya untuk memberi kelulusan geran berdasarkan Garis Panduan Pengurusan Geran Kewangan MITRA.

10. YB Datuk Halimah Mohamed Sadique juga telah mengarahkan supaya pegawai MITRA dilantik dari kalangan penjawat awam khususnya Pegawai Tadbir dan Diplomatik yang akan dapat melaksanakan peranan dengan lebih sistematik dan bertanggungjawab serta mempunyai akauntabiliti yang tinggi.
11. YB Datuk Halimah Mohamed Sadique ingin menegaskan sekali lagi bahawa pihak Menteri mahupun Ketua Pengarah tiada apa-jua peranan dalam kelulusan geran MITRA kerana kuasa untuk memberi kelulusan geran telah diletakkan sepenuhnya dibawah Jawatankuasa Penilaian Geran MITRA yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KPN.
12. Berhubung isu tular berkaitan pengurusan Geran Kewangan MITRA ini, Kementerian Perpaduan Negara bersedia untuk memberi kerjasama sepenuhnya kepada pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

**- TAMAT -**

***Mengenai Kementerian Perpaduan Negara***

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia melalui agenda Keluarga Malaysia.

Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA) merupakan agensi di bawah Kementerian Perpaduan Negara (KPN) yang bertanggungjawab dalam menangani isu pembangunan sosio-ekonomi masyarakat India di Malaysia khususnya golongan B40 melalui program pembangunan modal insan, pembangunan usahawan serta peningkatan kesejahteraan sosial.

**Pertanyaan media:**

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Perpaduan Negara

Tel +603 8091 8041

Fax +603 8888 8568 / 569

E-mail : pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.100-9/1/8 (91)